

Anwar Triumphs kisah politik berliku Perdana Menteri

Oleh **FITRI NIZAM**
dan **HAFIZ SAIDINA**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Perjalanan karier politik Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim diabadikan dalam buku berjudul *Anwar Triumphs*, tulisan tokoh peguam jenayah Australia, Mark Trowell KC.

Buku tersebut dilancarkan Perdana Menteri dalam satu majlis di Kuala Lumpur Convention Center di sini semalam.

Anwar Triumph memberikan pembaca gambaran mendalam mengenai perjalanan luar biasa Anwar mendepani kerumitan karier politik sebelum mengesapi kejayaan.

Buku tersebut turut mendedahkan kejatuhan dramatik gabungan Pakatan Harapan (PH) dan ketamakan politik selepas tindakan strategik yang diambil untuk mengukuhkan kuasa.

Selain itu, Trowell turut me-

nyelitkan pandangan berbeza dalam kemelut susulan pembedahan Anwar pada Mei 2018.

Secara keseluruhan penulis menyatakan bahawa buku itu penting kerana merekodkan sejarah sebenarnya yang berlaku membabitkan karier politik Anwar sebelum mencapai puncak kuasa.

Trowell adalah tokoh peguam jenayah terkemuka Australia yang menjadi pemerhati antarabangsa dalam menyediakan laporan kritikal berkaitan prosiding undang-undang membabitkan tokoh-tokoh ternama seperti mendiang Karpal Singh; Menteri Sri Lanka, Rishad Bathiudeen dan beberapa lagi kenamaan.

Selain kariernya sebagai peguam, Trowell juga mengarang naskah *Sodomy II: The Trial of Anwar Ibrahim* (2012), *The Prosecution of Anwar Ibrahim: The Final Play* (2015) dan *Anwar Returns: The Final Twist* (2018).



ANWAR Ibrahim dan isteri Datuk Seri Dr. Wan Azliah Wan Ismail bersama Mark Trowell KC pada Majlis Pelancaran buku *Anwar Triumphs* di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON